

www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/menteri-pengeluar-untung-kenapa-mahu-naikkan-gula-29-sen

MyCube MSM Malaysia Holdings HRMIS Download batman New folder

MMOTY NEWS MALAYSIA WORLD MONEY LIFE SHOWBIZ OPINION SPORTS EAT/DRINK TRAVEL READ TE

PROJEKMMO: BERITA

# Menteri: Pengeluar untung, kenapa mahu naikkan gula 29 sen

Tuesday May 23, 2017  
4:06 PM GMT+8

1 1 0 0 0

Share Tweet Share Email G+

ICYMI

  
The Edit: Harry Styles cuts short set

  
The Edit: Expedia enters Cuba travel market

  
The Edit: Facebook aims for broad views in 'trending topics' redesign

  
Three police officers killed, 10 wounded in Jakarta double bombing

TOOLS INCREASE TEXT DECREASE TEXT RESET TEXT PRINT ARTICLE



Syarikat pengeluar MSM Malaysia Holdings mahu menaikkan harga dengan alasan pasaran gula mentah yang tidak stabil dan kejatuhan ringgit. — Foto oleh Andrew Scrivani/The New York Times

PUTRAJAYA, 23 Mei — Kerajaan bertegas tidak akan menaikkan harga gula walaupun terdapat permintaan daripada pengeluar gula untuk berbuat demikian, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

Ini kerana kerajaan baru sahaja menaikkan harga gula kepada 11 sen pada Mac lepas serta harga gula di pasaran dunia juga menurun, katanya.

Beliau berkata kerajaan menaikkan harga gula pada masa itu kerana ketika itu harga gula di pasaran global berada pada kadar US\$0.22 hingga US\$0.23 sen per paun.

"Kenapa saya perlu berbuat demikian apabila harga gula di pasaran dunia menurun," katanya merujuk kepada harga gula di pasaran dunia kini yang berada pada kadar US\$0.17 sen per paun.

Hamzah berkata demikian sebagai mengulas permintaan pengilang gula MSM Malaysia Holdings Bhd untuk menaikkan harga gula kepada 29 sen ketika ditemui pemberita selepas perhimpunan bulanan kementerian di sini hari ini.

Menurutnya, pihak pengurusan tinggi syarikat MSM Malaysia termasuk ketua pegawai eksekutifnya telah bertemu dengan beliau baru-baru ini untuk membincangkan perkara tersebut.

"Saya secara tegas beritahu harga gula tidak boleh dinaikkan kecuali syarikat itu mengalami kerugian besar-besaran."

"Tetapi MSM Malaysia merekodkan keuntungan dan ia adalah tidak adil sekiranya kerajaan menaikkan harga gula agar mereka boleh lipat ganda keuntungan," katanya.

Hamzah turut melancarkan kempen #janganlebihlebih menjelang sambutan bulan Ramadan dan Aidilfitri, dengan video kempen berdurasi 20 saat setiap satu dalam tiga siri meningkatkan kesedaran pengguna agar tidak membazir dan berbelanja secara sederhana.

Pada majlis sama, Hamzah juga menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara Maktab Koperasi Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk memperkasakan pengurusan gerakan koperasi di negara ini. — Bernama

ARTIKEL Harga kerajaan jangan Najib Harga Sugarmalaysia Amar biskut IKLA IKLA WHA Far east rights Victoria Ramlie Resid from

<http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/menteri-pengeluar-untung-kenapa-mahu-naikkan-gula-29-sen>